

UNTUK SIARAN SEGERA

## **Zurich Malaysia dan Senang.io bekerjasama dengan Bank Islam Memperkenalkan Penyelesaian Takaful Digital dan Inovatif melalui Aplikasi Be U by Bank Islam**



[Dari Kiri - Kanan]: Wakil dari Zurich Malaysia, Bank Islam dan Senang.io bergambar pada majlis pengumuman kerjasama produk 'Mikrotakaful untuk Pekerja Gig' pada aplikasi Be U by Bank Islam

- Shamsul Azman, Ketua Pegawai Eksekutif, Zurich General Takaful Malaysia Berhad
- Noor Farilla Abdullah, Ketua Pegawai Digital Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad
- Sharian Raj, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas, Senang.io

**KUALA LUMPUR, 9 Januari 2024** - Zurich Malaysia dan Senang.io mengumumkan kerjasama strategik dengan perintis perbankan Islam Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), untuk merevolusikan penyampaian penyelesaian takaful melalui aplikasi Be U by Bank Islam. Kerjasama ini merupakan satu pencapaian penting dalam industri perbankan dan takaful menerusi penyediaan kemudahan dan fleksibiliti yang tiada bandingan kepada pelanggan.

Menerusi kolaborasi ini, Zurich Malaysia, Senang.io dan Bank Islam berbesar hati memperkenalkan produk sulungnya, 'Mikrotakaful untuk Pekerja Gig'. Penyelesaian takaful inovatif ini memperkasakan pekerja gig dengan pilihan yang komprehensif, menawarkan perkhidmatan atas permintaan, perlindungan perubatan dan platform pengurusan tuntutan dalam aplikasi yang mesra pengguna. Perkhidmatan takaful yang diperbadikan ini direka bagi memenuhi jadual kerja dinamik komuniti berkenaan serta menepati keperluan individu.

Sebagai penyedia takaful terkemuka, Zurich Malaysia membawa bersama kepakaran serta komitmennya untuk menyampaikan produk takaful terunggul melalui kerjasama berkenaan. "Kami berbesar hati berpeluang menyertai usaha sama inovatif ini kerana ia sejajar dengan misi Zurich Malaysia untuk 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna'. Seiring dengan perkembangan pesat ekonomi gig, adalah penting untuk kami memenuhi keperluan perlindungan mereka. Bersama rakan perniagaan terlibat, kami akan mencipta masa hadapan yang lebih cerah dan terjamin," kata Shamsul Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich General Takaful.

Sharian Raj, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Senang.io, berkongsi keterujaannya tentang kerjasama berkenaan. "Kami sangat gembira untuk bekerjasama dengan Bank Islam dalam memperkenalkan penyelesaian takaful yang inovatif ini kepada pengguna Be U by Bank Islam. Platform teknologi kami menyokong integrasi pelbagai produk takaful ke dalam satu aplikasi tunggal yang mesra pengguna, seterusnya menjadikan takaful lebih mudah diakses dan ringkas untuk manfaat pengguna," kongsinya.

Platform teknologi Senang.io yang canggih memainkan peranan penting untuk menyampaikan penyelesaian takaful yang inovatif ini. Aplikasi Be U by Bank Islam dengan lancar akan mengintegrasikan rangkaian produk takaful yang pelbagai demi memastikan akses mudah untuk pengguna. Gabungan teknologi canggih dan kepakaran takaful ini akan membawa nilai yang tiada bandingan kepada pelanggan.

Ketua Pegawai Digital Kumpulan Bank Islam, Noor Farilla Abdullah, menekankan kepentingan rangkuman kewangan dalam aplikasi digital Be U by Bank Islam. "Tawaran mikrotakaful baharu yang disokong oleh OpenAPI ini mengintegrasikan perlindungan pekerjaan gig dalam aplikasi Be U by Bank Islam. Ini akan membolehkan pengguna mengakses ciri-ciri tambahan takaful serta memproses tuntutan secara langsung melalui platform berkenaan dengan mudah. Penyediaan penyelesaian mikrotakaful dalam aplikasi itu berupaya memperkasakan ekonomi gig, menawarkan ketenangan fikiran dan perlindungan kewangan kepada segmen pekerja yang terdedah kepada risiko, sekali gus memudahkan akses ketika mengalami cabaran yang tidak diduga," katanya.

Pada masa hadapan, Senang.io dan Bank Islam mempunyai rancangan untuk memperkenalkan lebih banyak produk takaful menerusi kerjasama dengan penyedia-penyedia takaful lain dalam tempoh tiga tahun akan datang. Penyelesaian akan datang ini bakal merangkumi rangkaian perlindungan takaful yang meluas bagi memenuhi keperluan pelbagai segmen populasi.

Kerjasama antara Zurich Malaysia, Senang.io dan Bank Islam menggambarkan kehebatan kerjasama antara peneraju-peneraju industri dalam sektor kewangan dan teknologi. Dengan memanfaatkan kekuatan masing-masing, syarikat-syarikat ini terus melangkaui sempadan dan mempertingkatkan pengalaman pelanggan melalui penyelesaian takaful yang canggih.

Untuk maklumat lanjut dan berita terkini tentang kerjasama dan produk takaful yang akan datang, layari [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my), [www.senang.io](http://www.senang.io) dan [www.getbeu.com](http://www.getbeu.com).

###

## Tentang Zurich Malaysia

**Zurich Malaysia** adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).

## About Senang.io

Founded in 2018 and spanning operations across three south east Asia countries, Senang.io stands as a digital insurance and takaful platform, dedicated to assisting businesses, SMEs, and startups in securing essential coverage. Bridging the gap between traditional insurance and takaful companies and cutting-edge technology, we simplify the process, enabling businesses to effortlessly offer insurance and takaful to their customer base. Serving a diverse array of companies, Senang.io has become the go-to platform, redefining accessibility and ease in obtaining the necessary insurance and takaful protection.

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)]**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)